

**Jamuan Rai Pelantikan Sultan Kedah Sebagai Agong
Bernama
04 Disember, 2011**

ALOR SETAR, 4 Dis (Bernama) -- Sultan Kedah Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah yang dilantik bagi kali kedua sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-14 akan dirai dengan jamuan rakyat di Taman Peringatan Jubli Emas di Sukan Menanti di sini, Isnin malam.

Menurut Datuk Bandar Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS), Datuk Md Noh Ahmad jamuan itu bermula pukul 8 malam dijangka dihadiri kira-kira 6,000 orang termasuk kerabat Diraja Kedah dan pemimpin masyarakat.

Jamuan itu diserikan dengan persembahan kebudayaan oleh empat kaum iaitu Melayu, Cina, India dan Siam dan persembahan pancaragam Polis Diraja Malaysia (PDRM), katanya kepada pemberita di sini.

Kemuncak majlis itu ialah pertunjukan bunga api selama 15 minit, katanya.

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=631775>